

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : PERSIDANGAN MINI PARLIMEN KE-5
Lokasi : AUDITORIUM PUSAT ISLAM, KUALA LUMPUR
Tarikh : 14-08-1987

Yang Mulia Pengerusi Majlis; Yang Berhormat Dato Seri Sanusi Junid, Menteri Pertanian merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pusat Hari Kebangsaan; Dif-Dif Kehormat; Yang Mulia Ahli-ahli Jawatankuasa Pusat Hari Kebangsaan 1987; Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian serta ahli-ahli Dewan Yang Berhormat sekalian.

Syukur saya ke hadrat Illahi kerana sekali lagi saya dapat menghadirkan diri di majlis yang istimewa sempena menyambut Hari Kebangsaan yang ke-30 tahun. Sepertimana yang kita sedia maklum, pada hari ini kita berkumpul di dewan yang indah permai ini, menyaksikan sekali lagi bakat, telatah dan reaksi golongan generasi muda kita meluahkan pendapat dan pandangan mereka dalam Persidangan Mini Parlimen yang ke-5.

2. Pada hari ini genaplah usia Mini Parlimen lima tahun. Selama lima tahun sudah dan dapatlah kita memberi sekurang-kurangnya sedikit perhatian dan pandangan daripada apa yang telah dihuraikan dalam persidangan-persidangan yang lalu ataupun kita sekadar menerima persidangan yang diadakan setiap tahun ini sebagai satu hiburan.

3. Demi penjagaan dan didikan moral yang tinggi di kalangan anak-anak kita yang berbilang kaum, saya mengesyorkan supaya kesemua ahli-ahli parlimen kita yang telah lalu mahupun yang sekarang dikumpulkan agar dapat kita merangka beberapa program aktiviti sambil menunjuk ajar kepada mereka untuk sayang kepada ibu bapa, bangsa dan negara. Tiada siapa yang dapat meramalkan melainkan Allah Yang Maha Kuasa, ada di antara ahli-ahli yang terhormat kita ini yang akan menjadi pemimpin-pemimpin negara pada masa akan datang. Sebagai benih bangsa, adalah menjadi tanggungjawab semua lapisan kaum memastikan semua rakyat kita hidup dalam keadaan aman damai, berharmoni dan berdisiplin.

4. Kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kecil Mini Parlimen, saya ucapkan syabas dan tahniah kerana berjaya sekali lagi mengadakan Persidangan ini. Dengan ini saya dengan segala sukacitanya merasmikan Persidangan Mini Parlimen Malaysia kali yang ke-5.

Selamat bersidang.